

8/4 24/5/2011 MS.1

PENDIDIKAN AWAL BENTUK MASA DEPAN ANAK



ANAK adalah kurniaan Allah dan perhiasan dalam kehidupan manusia. Islam sangat memandangkan berat soal pendidikan kanak-kanak dan memberi hak yang sepatutnya kepada mereka. Salah satu hak yang wajib diberikan oleh ibu bapa kepada anak ialah pendidikan.

Dengan ilmu, akan membentuk insan cemerlang dan membangunkan tamadun. Untuk mendidik anak pada peringkat "masih rebung", Islam menekankan aspek rohani, jasmani, akhlak dan fizikal.

Selaras dengan itu, PROQUAZ Sdn Bhd, syarikat Bumiputera yang memperkenalkan pusat perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak, Children Islamic Centre (CIC) mempunyai visi untuk melahirkan pemimpin masa hadapan berasaskan Islam tanpa meminggirkan keperluan semasa.

CIC yakin dengan pendedahan nilai Islam dan budaya pada peringkat awal usia itu dapat mengekalkan identiti dan jati diri mereka. Pembelajaran agama dan akademik diseimbangkan selari dengan keadaan semasa. Mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains turut diketengahkan walaupun CIC menggunakan pendekatan pendidikan Islam terhadap kanak-kanak.

CIC ditubuhkan pada 1997 dengan menggunakan nama asal Nada Child Development Centre dan ditukar pada 1999 kepada CIC.

Ilham pembukaan CIC pada awalnya adalah sebagai memenuhi keperluan pendidikan anak sulung Qutren Nada yang berusia tiga tahun ketika itu. Beliau berbangga dengan kejayaan yang dicapai setelah melalui segala pahit getir mengendalikan sebuah CIC dengan modal RM50,000 di Puchong, Selangor yang dibangunkan dengan model pendidikan diperkenalkannya sendiri.

Setiap tenaga pengajar CIC akan dilatih dan dibimbing

menerusi program latihan yang telah dirangka oleh CIC selama setahun. Tenaga pengajar CIC digalakkan untuk berfikir positif agar pengajaran dapat disalurkan ke setiap kanak-kanak bagi membentuk mereka ke arah kebaikan.

Untuk mencapai matlamat ini, CIC telah menyediakan mata pelajaran dan model pembelajaran yang disediakan sendiri oleh Nada.

Pada peringkat awal, kanak-kanak akan diajar dan dididik untuk mengamalkan doa pada setiap perkara yang dilakukan sama ada sebelum atau selepas. Doa ini bukan saja diterap dikalangan pelajar, tetapi juga pendidik CIC khususnya.

Bagi menggalakkan pertumbuhan daya kreativiti dan mendorong kanak-kanak agar cepat belajar, CIC memperkenalkan tema berbeza setiap hari seperti perayaan, sains dan budaya.

Kanak-kanak amat mudah terpengaruh dengan dengan suasana sekeliling mereka. Seandainya baik persekitarannya, nescaya

baiklah hasilnya. Begitulah sebaliknya. Jadi, adalah sangat penting bagi setiap tenaga pengajar menggunakan kata-kata positif untuk mendorong mereka agar lebih bersemangat dan tidak mudah putus asa.

Tempoh setahun hingga 7 tahun adalah satu fasa yang kritikal untuk diberikan penumpuan. Unsur-unsur negatif hendaklah dipastikan tidak menyerap dalam pembentukan rohani kanak-kanak.

Pihak CIC juga menitik beratkan soal pemakanan di kalangan kanak-kanak di CIC kerana pemakanan yang sihat mempengaruhi minda seseorang kanak-kanak itu, termasuk bahan dan cara penyediaannya.

Bahan mentah dipastikan halal supaya hati kanak-kanak ini bersih dan sekali gus dapat menerima ilmu dengan baik. Makanan terproses seperti nugget dan sosej adalah ditegah sama sekali untuk dihidangkan kepada kanak-kanak ini.

Sejajar dengan keperluan semasa, CIC kini mengorak

langkah mengembangkan sayapnya melalui konsep francais dengan memberi peluang kepada pengusaha yang berminat serta memenuhi syarat dengan modal permulaan RM150,000 bergantung kepada lokasi dan saiz kawasan.

Pengurusnya, Rohaida Abu Hassan berkata, CIC akan memperluaskan lagi rangkaian pusat latihannya dengan membuka francais kepada mereka yang memenuhi kelayakan dengan menawarkan program sepenuh masa dan separuh masa kepada ibu bapa yang ingin menghantar anak mereka yang berumur dari dua hingga 12 tahun.

Beliau berkata, CIC ingin membuka lebih banyak cawangan CIC sebagai pusat sehati bagi penjagaan dan didikan kepada kanak-kanak. Ini memudahkan ibu bapa kerana dapat menjimatkan wang mengupah pembantu rumah selain anak-anak dapat dibentuk melalui pembelajaran yang tersusun.

Proquaz kini mempunyai 26 buah cawangan,

kesemuanya di Lembah Klang dengan 150 kakitangan dan lima daripada cawangannya adalah pemegang francais.

Sekiranya mereka gagal untuk menyediakan perbelanjaan sendiri mereka boleh berunding secara langsung dengan Proquaz selain mendapatkan bantuan agensi kerajaan seperti Perbadanan Nasional Bhd (PNS) dan beberapa yang lain untuk bantuan.

Selaras dengan perkembangan CIC, CIC kini membuka peluang kepada lepasan SPM, diploma dan Ijazah untuk menjadi perintis di pusat perkembangan kanak-kanak. CIC bergerak aktif di dalam membangunkan keupayaan kakitangan bagi mencapai standard disamping memberi bimbingan dan latihan secara berterusan dalam pembangunan kerjaya.

CIC kini telah membuka pendaftaran kemasukan bagi sesi pengambilan Jun 2011. Bagi mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang pembelajaran CIC, program francais CIC, kemasukan Jun 2011 dan peluang kerja di CIC, mereka boleh melayari laman web www.cic.net.my atau menelefon di 03-8889 2979.

CIC percaya dapat memperkukuhkan lagi penjenamaan CIC di pasaran tempatan dan juga sedang mencari jalan untuk menembusi pasaran luar.

Sehubungan itu, CIC tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam Expo Beli Barangan Malaysia 2011 yang berlangsung selama lima hari dari 25 hingga 29 Mei ini di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi memperkenalkan pusat pembelajaran itu kepada orang ramai yang berkunjung.

INFO

Temui wakil CIC dan dapatkan maklumat mengenai kaedah pengajaran CIC di Expo Beli Barangan Malaysia 2011 dari 25 hingga 29 Mei ini di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)